

Bahagian A

Jawab semua soalan.

2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

- 1 Mengapakah British berusaha untuk mendapatkan petempatan baharu di Timur?
- Mendapatkan kekuasaan
 - Memenuhi keperluan perdagangan
 - Persaingan dengan kuasa Barat yang lain
 - Dipandang tinggi oleh masyarakat Eropah
- (BT ms. 30)
- 2 Mengapakah Sultan Kedah menganugerahkan kawasan Batu Uban sebagai petempatan baharu kepada orang Melayu dari Sumatera?
- Membalas jasa orang Sumatera membantu Kesultanan Kedah menentang Siam
 - Hadiah kepada orang Sumatera kerana berdagang dengan kerajaan Kedah
 - Ufti kerajaan Kedah kepada kerajaan Sumatera
 - Pusat pengumpulan bahan-bahan mentah
- (BT ms. 30)
- 3 Siapakah yang mentadbir Singapura sebelum peluasan kuasa British?
- Kesultanan Melayu Melaka
 - Kesultanan Johor Riau
 - Kerajaan Belanda
 - Kerajaan Siam
- (BT ms. 31)
- 4 Mengapakah Belanda berminat menguasai untuk Melaka?
- Melaka sebagai pusat perdagangan utama
 - Belanda ingin dipandang tinggi oleh negara Barat yang lain
 - Kesultanan Melayu Melaka merupakan kerajaan yang unggul
 - Melaka dijadikan sebagai pusat pengumpulan hasil bijih timah
- (BT ms. 31)
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan kedudukan strategik Pulau Pinang yang memenuhi keperluan British.
- Pulau Pinang terletak di Utara Selat Melaka dan berada di laluan perdagangan antara Timur dan Barat
- Mengapakah British memilih Pulau Pinang sebagai tanah jajahannya?
- Pusat pentadbiran British
 - Kawasan perlombongan emas
 - Dijadikan sebagai pelabuhan persinggahan
 - Pulau Pinang dijadikan pusat pengumpulan barang
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- (BT ms. 32)
- 6 Apakah kesan di Asia Pasifik setelah British berjaya menduduki Pulau Pinang?
- Mendapat sanjungan
 - Menjadi pangkalan tentera British
 - Menguatkan kedudukan di Australia
 - Mendapat kelebihan bersaing dengan Perancis


- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(BT ms. 33)

- 7 Apakah strategi yang digunakan oleh Francis Light untuk mendapatkan Pulau Pinang?
- Rundingan
 - Tipu helah
 - Perjanjian
 - Pajakan

(BT ms. 34)

- 8 Gambar berikut menunjukkan tentera Siam yang mengancam keselamatan Kedah.



Mengapakah Siam bertindak sedemikian?

- Perebutan takhta
- Ingin menguasai Kedah
- Kedah tidak membayar cukai
- Siam menuntut kembali penghantaran bunga emas

(BT ms. 34)

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan kuasa British di Pulau Pinang.

Pada tahun 1800, George Leith, Gabenor Pulau Pinang mendesak Sultan Kedah, Sultan Dhiauddin menandatangani perjanjian dengan British

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A British menduduki Seberang Perai
- B British berundur dari Pulau Pinang
- C Pulau Pinang menjadi pusat pengumpulan barangan
- D Pulau Pinang menerima ufti daripada kerajaan Kedah

BT ms. 35

- 10 Apakah iktibar yang boleh diperoleh daripada peristiwa pendudukan British di Pulau Pinang?

- A Sentiasa tabah
- B Rajin menuntut ilmu
- C Tidak bersikap tamak
- D Sentiasa berwaspada dalam membuat keputusan

BT ms. 35

- 11 Maklumat berikut menerangkan pendudukan British terhadap Singapura.

Menjelang abad ke-19, perdagangan British di Alam Melayu semakin menguntungkan

Mengapakah British berminat menduduki Singapura?

- I Pusat pentadbiran British
 - II Pusat ketenteraan British
 - III British memerlukan pelabuhan yang lebih strategik
 - IV Pusat pengumpulan hasil-hasil ekonomi Alam Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 37

- 12 Stamford Raffles telah memanipulasikan satu isu supaya memudahkan British bertapak di Singapura. Apakah isu tersebut?
- A Perebutan kuasa
 - B Pewarisan takhta
 - C Isu cukai tanaman
 - D Penghantaran ufti

BT ms. 38

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan pengukuhan kuasa British ke atas Singapura melalui perjanjian.

Stamford Raffles telah menandatangani perjanjian dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819

Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Singapura?

- A Sultan dan Temenggung hilang kedudukan
- B Sultan dan Temenggung diberikan pampasan
- C Singapura diserahkan kepada British untuk selama-lamanya
- D William Farquhar dilantik sebagai Residen pertama Singapura

BT ms. 39

- 14 Mengapakah Belanda mengamalkan dasar berbaik-baik dengan British?

- A British menjaga jajahan Belanda di Timur semasa Perang Napoleon
- B Belanda ingin menguasai Singapura
- C Singapura maju di bawah British
- D Tujuan perdagangan

BT ms. 40

2.2 Perjanjian London 1824 dan Kesannya Terhadap Alam Melayu

- 15 Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu?

- I Sultan kehilangan kuasa
 - II Pembentukan Negeri-negeri Selat
 - III Perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau
 - IV Pembahagian Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh Barat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 42

- 16 Apakah syarat Perjanjian London 1824?

- I British berundur dari Sumatera
 - II Kesultanan Riau Lingga dihapuskan oleh Belanda
 - III Wilayah pengaruh Belanda dikenali sebagai Hindia Timur Belanda
 - IV Belanda menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada British
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BT ms. 43

2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan Negeri-negeri Selat.

Negeri-negeri Selat

Merupakan satu unit pentadbiran yang dibentuk oleh British

Negeri yang terlibat ialah

- A Melaka, Singapura dan Naning
- B Pulau Pinang, Melaka dan Pahang
- C Pulau Pinang, Singapura dan Melaka
- D Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang

BT ms. 46

2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

- 18 Maklumat berikut merujuk tindakan Pejabat India terhadap Negeri-negeri Selat.

- Tidak melindungi kebajikan pedagang
- Pengenal mata wang rupee India
- Mengenakan cukai pelabuhan

Apakah kesan daripada tindakan berikut?

- A Sistem Residen diperkenalkan
- B Ibu negeri ditukarkan ke Singapura
- C Syarikat Hindia Timur Inggeris dibubarkan
- D Pentadbiran Negeri-negeri Selat dipindahkan ke London


BT ms. 49

19 Apakah iktibar yang diperoleh daripada pembentukan dan pentadbiran Negeri-negeri Selat?

- A Mempertahankan keistimewaan yang ada di negara kita daripada dieksploitasi
- B Meminta bantuan kuasa asing untuk mentadbir negara
- C Sentiasa menunjukkan perasaan cinta akan negara
- D Bertanggungjawab dalam menjalankan tugas

BT ms. 49

20 Maklumat berikut merujuk struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan di London.



Apakah X?

- A Dewan Senat
- B Majlis Eksekutif
- C Majlis Pentadbiran
- D Ahli Dewan Undangan Negeri

BT ms. 49

Bahagian B

Jawab semua soalan.